

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) GRED N17
UNTUK BERKHIDMAT DI SEKOLAH DALAM HOSPITAL**

1. Permohonan adalah dipelawa daripada Pembantu Pengurusan Murid Gred N17 yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Sekolah Dalam Hospital berikut:
 - 1.1 SDH Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis
 - 1.2 SDH Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, Terengganu
 - 1.3 SDH Hospital Tawau, Tawau, Sabah

2. Syarat Umum:
 - i. Pembantu Pengurusan Murid Gred N17 yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia;
 - ii. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - iii. Bebas dari tindakan tatatertib atau tindakan Mahkamah; dan
 - iv. Mempunyai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang baik untuk tiga (3) tahun terakhir

3. Syarat Khusus:
 - i. Sekurang-kurangnya telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun.
 - ii. Bersedia untuk berkhidmat di SDH sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
 - iii. Sihat fizikal dan tidak mempunyai sakit kronik.
 - iv. Mempunyai minat dan iltizam yang tinggi berkhidmat dalam institusi untuk murid bermasalah kesihatan.
 - v. Tidak mempunyai perasaan takut, alahan dan jijik dengan persekitaran hospital.

4. Permohonan daripada sekolah:
 - 4.1 Bagi Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah, borang permohonan **MESTI** melalui Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing;

 - 4.2 Bagi Pembantu Pengurusan Murid di Kolej Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik, borang permohonan **MESTI** melalui Pengarah Bahagian Pengurusan Teknik dan Vokasional (BPTV), KPM.

5. Cara Memohon:

5.1 Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun di laman sesawang berikut:

- a. www.moe.gov.my atau
- b. <http://www.moe.gov.my/bpkhas/v2>

5.2 Semua permohonan hendaklah disertakan salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemaskini dan disahkan, salinan sijil / dokumen sokongan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan); dan dihantar melalui Ketua Jabatan kepada:

**PENGARAH
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 2, BLOK E2 KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

5.3 Sila tuliskan **PEMBANTU PENGURUSAN MURID** di sebelah atas kiri sampul surat permohonan.

6. Tarikh tutup permohonan ialah **08 Oktober 2014(Rabu)**.

CATATAN: Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga. Calon-calon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.